

DASAR KESAMARATAAN MENIKMATI

PENDIDIKAN BERKUALITI DI UNIMAS

1.0 PENDAHULUAN

- 1.1 Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) selaras dengan Pelan Pendidikan Malaysia, *Malaysia Education Blueprint* (2013-2025) di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) mendukung rangka tindakan Kerajaan dalam menyediakan generasi muda dengan kemahiran untuk bersaing dalam pasaran tenaga kerja dan merupakan pemacu kepada perkembangan dalam ekonomi, di mana Kerajaan meletakkan ukuran untuk Negara di bawah Model Ekonomi Baru, Pelan Transformasi Ekonomi dan Pelan Transformasi Kerajaan.
- 1.2 Hala tuju UNIMAS adalah bertekad untuk melahirkan dan menyediakan graduan yang benar-benar bersedia bagi memenuhi keperluan masa hadapan dan berkembang maju dalam dunia yang sentiasa berubah. Dalam memenuhi tuntutan dan keperluan tersebut, pemerkasaan sistem dan amalan sedia ada di dalam UNIMAS serta pelaksanaan pelbagai inisiatif baharu telah dijalankan secara holistik untuk memastikan keberkesanan dalam menyediakan akses yang sama rata kepada masyarakat untuk menikmati Pendidikan berkualiti bertaraf antarabangsa, sejajar dengan Anjakan Transformasi 1 dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia.
- 1.3 Pendidikan yang berkualiti digambarkan dengan Visi UNIMAS, iaitu menjadi sebuah universiti contoh serta diiktiraf di peringkat antarabangsa dan sebagai institusi pengajian tinggi yang menjadi pilihan utama golongan pelajar dan akademik melalui pencapaian cemerlang dalam bidang pengajaran, penyelidikan dan kesarjanaan.
- 1.4 Dalam mendokong Visi dan Misi UNIMAS, tiga bidang tujuan utama UNIMAS iaitu bidang pemuliharaan biodiversiti dan alam sekitar, teknologi maklumat, komunikasi dan teknologi kreatif dan kelestarian transformasi komuniti.

2.0 LATAR BELAKANG: SUSUR GALUR SEJARAH PENDIDIKAN NEGARA

2.1 Pemimpin dan rakyat Malaysia sedar tentang keutamaan atau signifikan dalam membentuk satu sistem pendidikan kebangsaan bagi menggantikan sistem venakular dalam Dasar Pendidikan British demi kepentingan Negara. Perkembangan dalam sistem Pendidikan Negara telah melalui tiga (3) tahap, iaitu;

i) Tahap 1 (1963-1965)

- Dasar Pendidikan (Pelajaran) Kebangsaan 1956 melalui Penyata Razak 1956 telah digubal dan dimaktubkan dalam Ordinan Pelajaran, 1957. Semakan semula pada tahun 1960 yang menghasilkan Laporan Rahman Talib 1960, dan kemudiannya dimaktubkan dalam Akta Pelajaran, 1961. Matlamat Pendidikan adalah berteraskan perpaduan untuk integrasi kaum dan dilaksanakan melalui Rancangan Malaysia Pertama (RMK 1).

ii) Tahap 2 (1966-1970)

-Dasar Pendidikan Negara telah diterapkan di dalam Rancangan Malaysia Kedua (RMK 2). Matlamatnya adalah khusus untuk menyelesaikan masalah ekonomi dan sosial akibat berlakunya rusuhan kaum pada 13 Mei 1969.

iii) Tahap 3 (1971- 1975)

- Rancangan Malaysia Ketiga (RMK 3) di mana matlamatnya adalah untuk mengubahsuai sistem pelajaran dan latihan bagi memenuhi keperluan perkembangan ekonomi serta pekerja mahir dalam perlaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB).

Sebuah Jawatankuasa Kabinet telah ditubuhkan dalam tahun 1974 untuk mengkaji semula Dasar Pendidikan dengan tujuan untuk memperbaiki pelaksanaannya supaya matlamat untuk melahirkan satu masyarakat yang bersatupadu dan berdisiplin serta memenuhi keperluan tenaga rakyat yang terlatih bagi pembangunan negara dapat dicapai. Laporan Jawatankuasa ini telah diterbitkan dalam tahun 1979. Dalam fasa tahun 1986 hingga 1991 telah diperkenalkan iaitu Sistem Pendidikan Kemahiran Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) dan Kemahiran Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) untuk

meningkatkan mutu pendidikan Negara sekaligus bagi meningkatkan integrasi nasional antara kaum. Ini ditekankan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan 1988 yang membina satu sistem Pendidikan berlandaskan penerapan perpaduan yang ditetapkan dalam lima (5) Prinsip Rukun Negara.

- 2.2 *Malaysia Education Blueprint (2013-2025)* dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) telah menetapkan dengan jelas sasaran yang perlu dicapai dari segi kualiti, ekuiti dan akses. Perancangan yang teliti dalam jangka masa ini dilakukan dengan melibatkan transformasi pengurusan sumber manusia dan kewangan serta penetapan inisiatif utama yang menjurus kepada keberhasilan murid, produktiviti sumber, sistem penyampaian yang lebih telus, responsif dan berfokuskan kepada keberhasilan, dan melibatkan usaha mengupaya kebolehan kepimpinan.

3. PENYATAAN DASAR

- 3.1 UNIMAS merupakan salah satu daripada dua puluh (20) Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan ianya adalah Badan Berkanun Persekutuan bagi memastikan sesuatu dasar Kerajaan Persekutuan dapat dilaksanakan dengan lebih efektif, terutamanya untuk memenuhi Dasar Pendidikan Negara dan lebih khusus lagi dalam menjamin kejayaan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara. Penubuhan UNIMAS tertakluk kepada Akta Tubuh yang memperbadankannya (melalui Undang- Undang Pemerbadanan) dan berfungsi mengikut tujuan, seperti mana yang diperuntukkan di bawah Akta Universiti & Kolej Universiti (AUKU) 1971 termasuklah Perlembagaan Universiti Malaysia Sarawak (1998) dan Akta Badan-Badan Berkanun [Tatatertib & Surcaj] 2000 (Akta 605) beserta dengan pindaannya, sebagai undang-undang utama. Secara praktis, UNIMAS masih lagi tertakluk kepada dasar-dasar Kerajaan (Pihak Berkuasa Persekutuan), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).
- 3.2 Selain mendukung Dasar-Dasar Kerajaan, UNIMAS turut mematuhi peruntukan di dalam Undang-Undang Tertinggi Malaysia, iaitu Perlembagaan Persekutuan 1957 yang juga memperuntukkan bahawa semua rakyat adalah mempunyai hak atau berhak mendapat perlindungan yang sama rata di sisi undang- undang. Ini adalah termasuk kepada warga UNIMAS yang merupakan warga Malaysia, yang tertakluk kepada Perlembagaan Persekutuan.

4 TAKRIFAN

Merujuk kepada Dasar ini, melainkan maknanya menghendaki makna konteks yang lain;

“**Agama**” ertinya kepercayaan kepada Tuhan dan sifat-sifat serta kekuasaan Tuhan dan penerimaan ajaran dan perintahNya dan kepercayaan pada yang Maha Kuasa;

“**Akta**” ertinya Akta atau Akta Parlimen digunakan bersamaan dengan perundangan, yang membawa maksud undang-undang yang diperbuat oleh Parlimen.

“**Badan Berkanun**” ertinya suatu badan, walau dengan nama apa pun disebut, yang diperbadankan oleh undang-undang persekutuan bagi maksud Kerajaan Persekutuan, tetapi tidak termasuk pihak berkuasa tempatan;

“**Dasar**” ertinya asas, teras, panduan, aturan atau satu bentuk pelan tindakan bagi mencapai objektif untuk kepentingan negara, agensi, unit, pihak tertentu atau masyarakat;

“**Diskriminasi**” ertinya perlakuan membeza-bezakan sesuatu hal (kerana keturunan, warna kulit dan lain- lain:

“**F/I/B/P**” ertinya Pusat Tanggungjawab seperti Fakulti, Institut, Bahagian atau Pusat;

“**Hak**” ertinya milik, kepunyaan - kuasa atas sesuatu atau utk berbuat sesuatu (ditentukan oleh undang-undang agama, adat istiadat, dll)

“**Institusi Pendidikan Tinggi**” ertinya institusi pendidikan yang menyediakan pendidikan tinggi yang membawa kepada penganugerahan diploma, ijazah atau yang setaraf dengannya.

“**Jantina**” ertinya jenis kelamin (sama ada lelaki atau perempuan);

“**Kampus**” ertinya kepada kampus UNIMAS yang meliputi semua institusi, bangunan dan asrama universiti;

“**Kaum**” ertinya golongan orang sebagai sebahagian daripada satu bangsa yg besar atau suku bangsa;

“**Kesamarataan**” ertinya sifat atau keadaan sama rata atau sama sahaja (antara satu sama lain): anda mempersoalkan hak dan tanggungjawab, keadilan;

“**Pegawai**” ertinya seseorang yang diambil bekerja secara tetap, sementara atau kontrak oleh sesuatu badan berkanun, dan dibayar emolumen oleh badan berkanun itu, dan termasuklah seseorang yang dipinjamkan ke mana-mana perbadanan subsidiari atau syarikat badan berkanun itu atau mana-mana badan berkanun yang lain atau mana-mana Kementerian, jabatan atau agensi Kerajaan Persekutuan atau mana-mana jabatan atau agensi Kerajaan mana-mana Negeri atau mana-mana syarikat yang dalamnya Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan mana-mana Negeri mempunyai kepentingan;

“**Pelajaran**” ertinya segala sesuatu yang dipelajari atau yang diajarkan;

“**Pelajaran Berkualiti**” ertinya sistem pendidikan yang berteraskan kurikulum pelajaran yang seimbang antara akhlak (etika dan nilai moral) dan ilmu (pengetahuan dan kemahiran); bagi melahirkan generasi muda yang mempunyai kemahiran untuk bersaing dalam pasaran tenaga kerja dan menjadi pemacu kepada perkembangan ekonomi Negara;

“**Pendidikan Tinggi**” ertinya pendidikan yang disediakan oleh institusi pendidikan tinggi;

“**Perlembagaan Persekutuan**” ertinya undang-undang utama Persekutuan dan apa-apa undang-undang yang diluluskan selepas Hari Merdeka yang tidak selaras dengan Perlembagaan ini, adalah tidak sah setakat ketidakselarasan itu atau undang-undang atau peraturan negeri, dasar pemerintah

negeri;

“**Perlembagaan Universiti**” ertinya Perlembagaan Universiti Malaysia Sarawak;

“**Undang- Undang Pemerbadanan**” ertinya undang- undang persekutuan yang melaluiinya sesuatu badan berkanun diperbadankan.

5 TUJUAN

- 5.1 Dasar ini menyediakan satu asas, teras, panduan, aturan atau satu bentuk pelan tindakan dalam memastikan akses kepada Pendidikan berkualiti boleh dicapai oleh semua orang atau yang berhak mendapat perlindungan, secara sama rata di sisi undang-undang; tanpa mengira kaum, agama, umur dan jantina.
- 5.2 Di dalam konteks UNIMAS, bagi mencapai tujuan ini, maka UNIMAS telah menggubal dan berhasrat untuk melaksanakan Dasar ini untuk menjamin dan memastikan Pendidikan yang berkualiti, yang disediakan oleh UNIMAS dapat dicapai dan dinikmati oleh segenap lapisan masyarakat, tanpa ada sekatan dan halangan. Selaras dengan misi ini juga, UNIMAS komited untuk menjana, menyebar dan menerapkan ilmu secara strategik dan inovatif bagi memperkasakan kualiti budaya bangsa dan kemakmuran masyarakatnya.

6. KESAMARATAAN DALAM MENIKMATI PENDIDIKAN BERKUALITI

- 6.1 UNIMAS menawarkan kesamarataan untuk memperolehi pendidikan berkualiti sebagaimana yang telah diperuntukkan Perlembagaan Persekutuan 1957, saranan di dalam *Malaysia Education Blueprint* (2013-2025) dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) kepada masyarakat untuk memastikan bahawa setiap orang, tanpa mengira peringkat umur, jantina, agama dan kaum, diberikan ruang dan peluang bagi mendapatkan akses kepada Pendidikan berkualiti.
- 6.2 Antara pendekatan yang telah diambil oleh UNIMAS dalam menawarkan pendidikan berkualiti ialah:

6.2.1 **Kesamarataan Dalam Pendidikan Yang Ditawarkan**

Hak untuk menikmati pendidikan yang berkualiti di UNIMAS tanpa diskriminasi dan berat sebelah adalah mengikut peruntukan yang tertakluk di bawah Perlembagaan Persekutuan 1957, dalam menjamin hak kebebasan untuk mendapatkan dan menikmati Pendidikan. Hak ini boleh dirujuk kepada Perkara 12 (1)(a) di bawah Perlembagaan yang dimaksudkan, seperti yang berikut:

12. (1) *Tanpa menjelaskan keluasan Perkara 8, tidak boleh ada diskriminasi terhadap mana-mana warganegara semata-mata atas alasan agama, ras, keturunan atau tempat lahir—*
(a) dalam pentadbiran mana-mana institusi pendidikan yang disenggarakan oleh suatu pihak berkuasa awam, dan, khususnya, kemasukan murid-murid atau pelajar-pelajar atau pembayaran fi;

6.2.2 **Menjaga Hak Dan Memberikan Perlindungan**

Semua lapisan masyarakat adalah layak untuk menikmati pendidikan berkualiti yang ditawarkan. UNIMAS memberikan jaminan hak dan perlindungan agar segenap lapisan masyarakat yang berhasrat untuk mendapatkan peluang pendidikan berkualiti di UNIMAS tidak akan dinafikan sebarang peluang dan diberi hak sama rata sepertimana yang telah diperuntukan di dalam Undang-Undang yang turut diterapkan di dalam Dasar-Dasar Kerajaan.

UNIMAS tertakluk kepada pelaksanaan dasar yang ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia dimana kemasukan ke beberapa program adalah dihadkan untuk pelajar tempatan sahaja.

6.2.3 **Mengintergrasikan Perpaduan Dan Memperkembangkan Sosioekonomi**

UNIMAS mengamalkan konsep keterbukaan dalam kemasukan dan pengambilan pelajar bagi mengikuti pendidikan yang ditawarkan di UNIMAS kepada pelbagai kaum tanpa mengira agama, umur dan jantina, untuk melahirkan generasi muda yang berkemahiran agar berdaya saing dalam pasaran tenaga kerja dan merupakan pemacu kepada perkembangan dalam ekonomi.

6.2.4 **Halatuju Universiti**

Pemerkasaan budaya bangsa yang berkualiti dan memakmurkan masyarakat menjadi misi atau

halatuju UNIMAS dalam menyediakan dan membekalkan khidmat dalam pengajaran dan pembelajaran.

7. KETERLIBATAN LANGSUNG JAWATANKUASA DAN PUSAT TANGGUNGJAWAB

- 7.1 UNIMAS telah menubuhkan beberapa Jawatankuasa dan entiti Pusat Tanggungjawab yang terlibat secara langsung untuk merealisasikan, memantau dan membantu dalam memastikan serta memberikan pencerahan mengenai sesuatu dasar Kerajaan Persekutuan dapat dilaksanakan dengan lebih efektif, terutamanya dalam menjayakan intipati di dalam *Malaysia Education Blueprint (2013-2025)* dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025).
- 7.2 Jawatankuasa dan Pusat-Pusat Tanggungjawab telah ditubuhkan dan diberikan kepercayaan untuk melaksanakan Dasar Kesamarataan Menikmati Pendidikan Berkualiti di UNIMAS yang memberikan penekanan dan keutamaan dalam hal ehwal tadbir urus dan governan Universiti, iaitu dari segi akademik dan pentadbiran.
- 7.3 Di antara Jawatankuasa dan Pusat- Pusat Tanggungjawab yang terlibat adalah;
- a) Jawatankuasa- Jawatankuasa
 - i. Jawatankuasa Eksekutif (JKE);
 - ii. Jawatankuasa Perancangan dan Pembangunan Akademik (JPPA);
 - iii. Majlis Dekan (MDekan); dan
 - iv. Jawatankuasa di peringkat Fakulti yang menawarkan perkhidmatan pengajaran dan pembelajaran.
 - b) Pusat-Pusat Tanggungjawab
 - i. SQRC;
 - ii. CALM;
 - iii. PJPA;
 - iv. Pejabat Pendaftar;

- v. BPPS; dan
- vi. CGS.

11. KEKECUALIAN

- 11.1 Dasar ini adalah berkuatkuasa secara menyeluruh dalam UNIMAS, kecuali jika konteks menghendaki maksud yang selain daripadanya mengikut keadaan dan kesuaianya yang tertakluk kepada keadaan fizikal dan mental, tahap kesihatan, keupayaan dan kelayakan akademik dan kewarganegaraan.
- 11.2 Pengecualian ini dibuat atas dasar untuk melindungi mana-mana orang yang berhasrat untuk mendapat pendidikan berkualiti di UNIMAS iaitu perlindungan dari segi keselamatan diri, mencegah kemudaratan kepada tubuh badan, pengukuran dan penetapan dari segi kompetensi yang merujuk kepada kemahiran dan kepakaran serta untuk langkah untuk menjaga kesejahteraan dan keharmonian warganegara Malaysia.

12. PERNYATAAN LARANGAN DAN TEGAHAN

- 12.1 Tiada mana-mana orang pun yang boleh dihalang atau ditegah atau dilarang sama sekali untuk mendapat akses pendidikan berkualiti, kecuali sebagaimana yang diperuntukkan pada Perkara 11 di atas atau atas sebab kecuaian dirinya sendiri yang menyebabkan haknya itu terbatas, terabai atau dinafikan.
- 12.2 Mana-mana pelanggaran di dalam Dasar ini boleh mengakibatkan UNIMAS atau mana-mana orang yang bekerja dengannya, dikenakan tindakan melanggar perundukan di bawah; -
- i. Perkara 8: Kesamarataan di dalam Perlembagaan Persekutuan 1957;
 - ii. Seksyen 5 di bawah Jadual Pertama, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan pada Seksyen 8 Perlembagaan Universiti Malaysia Sarawak 1998 mengenai perbezaan kerana ras dan kepercayaan adalah dilarang; dan
 - iii. Tindakan tatatertib Ingkar Perintah di bawah Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib

dan Surcaj) 2000 (Akta 605); ke atas mana-mana staf Badan Berkanun yang didapati bersalah dan disabitkan atas perlanggaran tersebut, di mana pelanggaran itu mendatangkan kemudaratan dan mencemar imej UNIMAS.

12 SEMAKAN DAN PINDAAN

Dasar menikmati Pendidikan Berkualiti UNIMAS ini adalah tertakluk kepada pindaan dari semasa ke semasa mengikut perubahan dalam Undang-Undang Malaysia iaitu Perlembagaan Persekutuan 1957, Akta Pendidikan 1996, Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971 (Pindaan 2009 dan 2012), Perlembagaan Universiti Malaysia Sarawak 1998 (Pindaan 2010 dan 2012) atau Dasar-dasar Kerajaan yang dipanjangkan melalui pekeliling-pekeliling, surat-surat pekeliling atau peraturan-peraturan yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.

13. SUMBER RUJUKAN PERUNDANGAN

- 13.1 Perlembagaan Persekutuan 1957.
- 13.2 Akta Pendidikan 1996 (Pindaan 2012).
- 13.3 *Malaysia Education Blueprint 2015–2025 (Higher Education)* dan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara.
- 13.4 Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971 (Pindaan 2009 dan 2012).
- 13.5 Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605).
- 13.6 Perlembagaan Universiti Malaysia Sarawak 1998 (Pindaan 2010 dan 2012).
- 13.7 Amanat Naib Canselor 2019

14 TARIKH KUATKUASA DAN PEMAKAIAN

- 14.1 Dasar Menikmati Pendidikan Berkualiti Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) adalah sepenuhnya berkuatkuasa sepenuna pada tarikh ianya diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Bil.1/2020 ke-57 pada 10 Januari 2020.